

Perjanjian sempadan maritim dengan Indonesia

# Saya akan jawab di Parlimen: PM

Anwar akan perjas persoalan ditimbulkan Muhyiddin pada sesi PMQ

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mahani Ishak  
bhnews(a)bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menjawab segala persoalan berbangkit berhubung perjanjian sempadan maritim yang ditandatangani dengan Indonesia baru-baru ini, dalam sidang Parlimen, hari ini.

Perdana Menteri berkata, isu terbabit akan dijawabnya ketika Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQ) pada persidangan Dewan Rakyat.

Mengulas lanjut, Anwar berharap Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang membangkitkan hal terbabit berada di Parlimen ketika beliau menjawab isu berkenaan.

"Saya akan jawab di Parlimen semasa PMQ (hari ini). Saya harap dia hadir, ada di situ untuk mendengar," katanya kepada media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini, semalam.

Beliau mengulas tuntutan Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh, yang meminta Perdana Menteri memberi penjelasan berhubung perjanjian itu yang dimeterai minggu lalu.

Muhyiddin mendakwa perjanjian itu ditandatangani, walaupun dinasihatkan pakar maritim supaya tidak berbuat demikian.

"Pakar maritim memberitahu jangan sains (tanda tangan), tapi dia sains juga. Dalam soal ini tidak boleh buat keputusan dengan mudah, yang boleh menyebabkan kawasan negara kita diambil oleh orang lain.

"Saya tak menuduh beliau (Perdana Menteri) tapi nak minta beliau beri penjelasan atau beri kenyataan dan keterangan kepada rakyat secara terbuka, tanpa selindung.

"(Nak tahu) Apa yang dimeterai dalam perjanjian itu. Indonesia negara sahabat kita tetapi berkaitan kedaulatan negara ini, tidak boleh berkompromi walau seinci pun," kata Muhyiddin pada Ceramah Perdana Gelombang Kebangkitan Rakyat PN Negeri Sembilan di Senawang, Negeri



Perdana Menteri pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Sembilan malam kelmarin.

Perjanjian itu ditandatangani ketika lawatan kerjadua hari Presiden Indonesia, Joko Widodo atau Jokowi ke Malaysia, minggu lalu.

Anwar dan Jokowi menyaksikan pertukaran enam instrumen dua hala yang ditandatangani kedua-dua negara di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, Khamis lalu.

Antara instrumen itu adalah ialah Perjanjian Lintas Sempadan; keselamatan perairan iaitu Perjanjian Berkaitan Persempadanan Laut Wilayah Kedua-dua negara di Bahagian Paling Selatan Selat Melaka dan Persempadanan Laut Wilayah Dua Negara di Laut Sulawesi.

Sementara itu, pensyarah Jabatan Hal Ehwal Antarabangsa, Keselamatan dan Undang-Undang, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Prof Dr Mohd Mizan Mohammad Aslam, berkata MoU yang dimeterai berkaitan sempadan maritim itu, hanya menandakan rangka penyelesaian baru bermula dan bukannya pertikaian sudah selesai.

"Jika diteliti lanjut MoU itu, ia baru menandakan peringkat rangka penyelesaian untuk mencapai satu kesepakatan dan bukan menandakan negara menyerahkan wilayah kepada Indonesia.

"Jadi wajar ada MoU terbabit kerana isu berkaitan pertindihan sempadan dengan Indonesia sudah berlarutan lama tetapi tidak kritikal seperti Batu Putih (pertikaian dengan Singapura).

"Pertikaian itu berkait Selat Melaka yang berhampiran wilayah Indonesia dan juga boleh membabitkan Singapura; isu Sulawesi Selatan (Sabah dan Kali-

mantan) serta pertindihan sempadan Sinapad (Sabah dan Kalimantan) perjanjian yang diwarisi dari Belanda dan Inggeris," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Mizan berkata, susulan daripada MoU itu, selepas ini akan diwujudkan pula jawatankuasa kerja dan jawatankuasa kecil yang dianggotai wakil daripada pelbagai Kementerian.

"Mereka inilah yang akan duduk berbincang dan menyelesaikan isu berkaitan dengan wakil daripada kerajaan Indonesia.

"Jawatankuasa ini hanya melalui MoU, kerana sebelum ini kita tidak bersedia berbincang dan apabila tidak setuju untuk berbincang, ia tidak akan selesai sampai bila-bila," katanya.

Beliau berkata, pendekatan Anwar memperlihatkan beliau sebagai seseorang pemimpin yang terbuka menghadapi isu dengan bijak serta membincang penyelesaian yang dapat dilihat isu berkaitan selatan Thailand.

"Namun isu sedemikian akan menjadi modal politik kepada pemimpin pembangkang untuk mendesak supaya diberikan penjelasan.

"Saya percaya penjelasan akan datang selepas jawatankuasa kerja diwujudkan. Sekarang jawatankuasa itu belum ada," katanya.

Katanya, Presiden Indonesia juga memuji kecekapan kepimpinan Anwar yang menyelesaikan isu dengan cepat dengan dibantu menteri Kabinetnya.

"Mungkin ketika zaman Muhyiddin, negara sedang berdepan pandemik dan ancaman COVID-19 serta pemulihan ekonomi, jadi tidak tertumpu kepada isu luar serta isu penting lain," katanya.